

31/08/2003

Kota bestari

Azran Jaafar

HARI ini Putrajaya menjadi tumpuan lagi. Kira-kira 300,000 warga Malaysia berbilang kaum berkampung sejak awal pagi untuk menyertai dan menyaksikan perarakan raksasa sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-46.

Pemilihan pusat pentadbiran baru kerajaan sebagai tuan rumah dan lokasi utama perayaan kali ini memang tepat dan kena masanya memandangkan tahun ini adalah tahun terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertugas di Putrajaya sebagai Perdana Menteri.

Putrajaya bukan saja tempat tumpuan untuk bekerja, beristirahat dan mencuci mata, malah wadah terbaru untuk menimba ilmu. Jika Taman Botani memperkenalkan anda dengan flora tempatan, Taman Wetland pula menegaskan hidupan di tanah lembap manakala Taman Warisan Pertanian menawarkan hasil Pak Tani.

Seorang rakan yang tinggal di Putrajaya dan bertindak sebagai pemandu pelancong ketika diminta menemankan bersiar-siar di pusat pentadbiran baru kerajaan itu, berkata: "Anggapkan Putrajaya sebuah bulatan besar, kita tak sesat, pusing-pusing pun akan sampai ke situ juga, kalau sesat juga pandanglah ke atas sedikit dan cari kubah hijau (milik Pejabat Perdana Menteri) dan merah (milik Masjid Putrajaya). Inilah petunjuk di Putrajaya."

Benar seperti katanya, kedua-dua mercu tanda ini menjadi petunjuk di Putrajaya dan menjadi tumpuan hampir semua yang mengunjungi Putrajaya dan menjadi bangunan yang paling banyak dirakamkan oleh mereka yang datang.

Jika pemandangan waktu siang sudah cukup menarik ditambah pula dengan tiupan bayu dari tasik yang mewarnai persekitaran Putrajaya, tunggu sehingga waktu malam dengan limpahan lampu yang dipasang pada kedua-dua bangunan berkenaan menjadikan suasananya lebih mengasyikkan.

Jangan pula takut tertinggal solat sementara menanti sang mentari menyembunyikan diri untuk anda menikmati keindahan malam di wilayah baru ini kerana masjid Putrajaya sendiri memberikan ruang yang cukup luas, di samping beberapa surau lain yang tidak kurang hebatnya seperti di Presint 8 yang mana konsep tropika diterapkan pada rekaan dalamannya sesuatu yang amat mendamaikan.

Kawan tadi memberitahu, untuk melihat Putrajaya mulakan dari dataran yang dikongsi kedua-dua kubah ini kerana dari sini anda bukan saja dapat melihat keindahan kedua-dua bangunan yang menggabungkan rekaan moden dan tradisional itu, tetapi juga hampir keseluruhan bangunan kompleks pejabat kerajaan.

Dari bangunan Kementerian Kewangan dengan binaannya yang gah sesuai dengan tugasnya sehinggalah ke Istana Melawati yang menghadap tasik membiru.

Hendak membeli-belah? Tidak menjadi masalah kerana di bawah Dataran Putra tersedia Souq dengan ruang perniagaan yang menjaja pelbagai barangan jenama tempatan dan antarabangsa.

Lapar? berdekatan Souq disediakan Selera Putra, ruang makan selesa dengan pemandangan tasik. Namun untuk makan, Putrajaya tidak kalah dengan kemudahan ini. Banyak pilihan untuk dicuba. Dengan Anjung yang terletak sebaris dengan pejabat kerajaan, medan makan pula terletak di Presint 8 dan terbaru Taman Warisan Pertanian yang juga tempat mencari buah-buahan tempatan serta barangan kraf.

Jika inginkan makanan bertaraf bintang bertaburan, kunjungi hotel yang terdapat di atas bukit di Taman Putra Perdana.

Jika anda ingin melihat sebuah kawasan kediaman serba baru dengan susun atur terancang, Putrajaya jugalah tempatnya kerana di sini, kediaman yang disediakan untuk kakitangan awam dan orang awam disediakan dalam pelbagai jenis dan bentuk.

Ilham reka bentuk yang dipaparkan di sini bukan saja mampu memperlihatkan binaan sesuai keperluan zaman tetapi juga menegaskan gaya hidup baru selaras dengan pembentukan persekitarannya.

Apa pun, Putrajaya bukan saja menarik pada Pejabat Perdana Menteri yang berkubah bawang, ilham dari Masjid Zahir di Alor Star juga kubah merah masjidnya, tetapi juga persekitaran baru yang serba canggih disulami kehijauan taman yang dibina khas dan yang hidup secara semula jadi.